

UMNO dan Penaungan Politik dalam Kalangan Belia di Malaysia (*UMNO and Political Patronage Among Youth in Malaysia*)

Muhammad Nadziruddin Embi¹, Mohamad Hafis Amat Simin^{1*}

¹ Fakulti Sains Sosial Gunaan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, Kuala Nerus, Terengganu

*Pengarang Koresponden: mohamadhafis@unisza.edu.my

Accepted: 15 April 2022 | Published: 1 May 2022

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.42>

Abstrak: *UMNO merupakan sebuah parti politik terbesar di negara ini. Namun setelah mengalami kekalahan di dalam PRU Ke-14 disebabkan kehilangan undi dan kepercayaan generasi belia pada hari ini, UMNO kelihatan mula mengorak langkah dalam melaksanakan perkaderan politik ke atas belia di negara ini. Oleh itu, kajian ini membincangkan isu perkaderan politik yang telah dan akan diambil oleh UMNO demi survival politik parti tersebut khususnya dalam mendepani PRU Ke-15. Kajian ini dijalankan menerusi kaedah kualitatif melalui sesi temu bual ke atas beberapa orang informan yang mewakili individu yang terlibat secara langsung dalam perkaderan politik UMNO seperti Kelab UMNO Siswa, Skuad Sabil dan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia (PPUM). Hasil kajian mendapati antara sebab pendorong ke atas sokongan dan kecenderungan belia untuk bersama dengan UMNO adalah kerana mereka merasakan UMNO merupakan sebuah parti yang konstruktif dan berdiplomasi dalam menyelesaikan apa jua isu pentadbiran yang berbangkit. Terdapat juga anak muda yang menolak UMNO secara total dan radikal pada era pasca PRU Ke-14 namun wujud jua golongan belia yang menyokong dan mendukung penuh aspirasi perjuangan UMNO. Kesimpulannya, menerusi kajian ini dapat dilihat bahawa masih ada lagi anak muda pada hari ini yang setia bersama UMNO dengan bersandarkan kepada corak kepimpinan UMNO itu sendiri.*

Kata kunci: belia, mahasiswa, pemuda, pilihan raya umum, perkaderan politik, UMNO

Abstract: *UMNO is the largest political party in the country. However, after suffering a defeat in the 14th General Elections (GE) due to the loss of votes and trust of the youth, UMNO seems to have begun to take steps in implementing a political cadre on the youth in this country. Therefore, this study examines the issue of political cadre that has been and will be taken by UMNO for the survival of the political party, especially in facing of the 15th GE. This study was conducted through a qualitative method through interview sessions from several informants who represent individuals directly involved in UMNO political cadres such as Kelab UMNO Siswa Malaysia, Skuad Sabil and Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia (PPUM). The results of the study found that most reasons for the youth to support UMNO is because they felt that UMNO is a constructive and diplomatic party in resolving any administrative issues that arise. There are also young people who rejected UMNO totally and radically in the post of the 14th GE, but there are also youths who stay with UMNO and fully supporting the aspirations of UMNO. In conclusion, through this study it can be seen that there are young people today who are loyal to UMNO based on the pattern of UMNO leadership itself compared to other party as well.*

Keywords: youth, students, general elections, political cadre, UMNO

1. Pendahuluan

Sejak seawal penubuhan UMNO pada tahun 1946 golongan muda merupakan di antara pejuang saf hadapan dalam memelopori gerakan awal parti ini (Ali, 2017). Parti yang diasaskan demi mempertahankan hak bangsa Melayu dan juga agama Islam serta raja-raja Melayu secara khusus ini telah berjuang dengan penuh konsisten dalam membebaskan negara tercinta daripada belenggu penjajahan (Atil, 2018). UMNO juga turut membuktikan bahawa dengan usaha keras parti tersebut maka negara tercinta berjaya mengecap nikmat kemerdekaan daripada belenggu penjajahan pada tanggal 31 Ogos 1957. UMNO mula mengiktiraf gerakan pemudanya pada tahun 1949 selepas 3 tahun penubuhannya secara rasmi pada 11 Mei 1946 (Zin et al., 2008). Gerakan pemuda UMNO yang ditubuhkan secara rasmi pada 26 Ogos 1949 telah dipimpin buat pertama kalinya oleh Tun Hussein Onn dan diteruskan legasi kepimpinannya oleh barisan tokoh pemuda UMNO yang lain sehingga kini dipimpin oleh Dato' Dr. Asyraf Wajdi Dusuki.

Pergerakan pemuda sejak berdekad lamanya ini kini melalui fasa getirnya selepas tewas dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 pada 2018 yang lalu. Kejatuhan kerajaan di bawah pemerintahan Barisan Nasional (BN) pada tahun 2018 jelas menunjukkan UMNO sebagai parti dominan dalam gabungan politik BN ditolak oleh rakyat khususnya generasi belia pada hari ini. Bertitik tolak daripada episod perubahan politik tersebut, UMNO telah mengambil langkah progresif dalam memastikan usaha perkaderan politiknya berjalan dengan strategik. Melalui matlamat ini, UMNO telah mengumumkan penubuhan Kelab UMNO Siswa di setiap IPTA dan beberapa IPTS terpilih bagi menggerakkan usaha perkaderan tersebut.

Perkaderan politik di bawah Kelab UMNO Siswa ini dilihat sebagai sebuah usaha UMNO dalam mendoktrin dan memenangi hati generasi belia khususnya belia terpelajar di menara gading. Dengan menjadikan generasi belia terpelajar pada hari ini sebagai sasaran dalam menuju PRU15, UMNO tampil dengan pelbagai pengisian khususnya pengisian berbentuk pendemokrasian pendidikan di peringkat pengajian tinggi secara holistik. Melalui pendekatan sebegini UMNO dilihat lebih bijak mengambil peluang dalam mempersiapkan barisan kepemimpinan muda mereka bagi menempuh cabaran politik mendatang. Tidak dinafikan bahawa perkaderan politik ke atas generasi belia pada hari ini adalah penting bukan sahaja dalam UMNO bahkan kesemua parti dilihat mengambil pendekatan yang sama.

Selain itu, UMNO juga turut mewujudkan sebuah gerakan bebas yang dinamakan sebagai Skuad Sabil. Skuad Sabil merupakan sebuah gerakan bebas di bawah kelolaan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia dalam memastikan bahawa generasi belia pada hari ini mempunyai platform terbaik dalam menambah kemahiran insaniah mereka melalui pelbagai aktiviti kemasyarakatan dan kemanusiaan tanpa mengira batas kaum, agama dan fahaman politik. Inisiatif penubuhan Skuad Sabil ini juga dilihat sebagai sebuah usaha dalam menerapkan doktrin kesukarelawan dalam benak perjuangan generasi belia serta mendidik mereka supaya tidak sesekali merasakan bahawa nilai kepemimpinan itu hanya terletak kepada takhta dan kekuasaan semata-mata.

Justeru, kesemua usaha perkaderan politik yang dijana oleh UMNO pada hari ini adalah demi kemenangan dan kejayaan parti tersebut di masa akan datang. Hal ini dapat dilihat apabila trend penambahan pengundi akan datang adalah didominasi oleh generasi belia seawal 18 tahun.

Dengan langkah perkaderan awal yang diambil akan menjadikan UMNO lebih bersedia dengan iklim perubahan ini. Tanpa kita sedari, perubahan landskap politik negara di masa akan datang akan dipacu oleh mereka yang bergelar belia pada hari ini. Semangat dalam menyubur demokrasi ini harus dijulung bersama demi kemaslahatan negara di masa yang akan datang.

2. Soalan Kajian

Bagi memenuhi tuntutan kajian yang dijalankan dalam penulisan artikel ini penulis telah menyenaraikan beberapa persoalan kajian yang akan digunakan dalam mendapatkan data daripada para informan yang telah dipilih. Soalan kajian ini juga disediakan selari dengan tema kajian yang menjurus ke arah penaungan politik (*political patronage*) yang digambarkan dalam parti UMNO. Soalan kajian ini juga turut memfokuskan kepada kumpulan sasar yang dikaji iaitu generasi belia pada hari ini yang sebilangan besarnya juga merupakan golongan pengundi kali pertama (*first time voters*).

Antara soalan kajian yang digunakan dalam mengumpulkan segala data dan maklumat dari para informan antaranya adalah kriteria calon yang diidamkan oleh mereka sebagai generasi belia ke arah melihat pendekatan progresif yang dapat dijayakan oleh parti UMNO dalam usaha mendepani cabaran masa hadapan sebagai sebuah parti yang kompeten selari dengan parti-parti lain yang memartabatkan generasi belia di atas pentas politik nasional. Hal ini amat penting untuk dihuraikan agar pandangan belia pada hari ini dapat didengari dan dinilai sebaiknya demi kelangsungan UMNO itu sendiri.

Selain itu, soalan kajian seperti faktor penarik (*pull factors*) juga turut ditekankan oleh penulis untuk mendapatkan maklum balas informan dalam mengenal pasti pendoronga yang membawa mereka untuk bersama dengan parti UMNO serta bersama mengharungi pahit getir perjuangan pasca kekalahan dalam PRU-14 lalu. Melalui soalan kajian sebegini, para informan akan dengan jujur menyatakan asbab pendorong serta kekuatan UMNO itu sendiri dalam meyakinkan mereka untuk terus bersama-sama berpartisipasi dalam UMNO. Bukan itu sahaja, malahan penulis juga turut mengetengahkan soalan kajian berkaitan faktor penolak (*push factors*) terhadap UMNO itu sendiri dan melalui soalan kajian seumpama ini penulis akan berjaya mendapatkan kritikan membina daripada ahli UMNO itu sendiri dalam menilai kelemahan dan kepincangan dalaman parti itu sejak sebelum dan selepas mengalami kekalahan dalam PRU-14 pada Mei 2018 yang lalu.

Di samping itu, soalan kajian yang digunakan bagi menguatkan lagi persoalan berkaitan penaungan politik itu sendiri adalah berkenaan ruang dan peluang yang diberikan oleh UMNO buat generasi belia yang ada pada hari ini dalam memanifestasikan hasrat dan aspirasi mereka dalam membina sebuah negara yang jauh lebih baik di masa akan datang. Perkara ini juga dapat menjadi pemangkin kepada UMNO untuk melaksanakan pelan peremajaan (*rejuvenation plan*) serta memperkukuh usaha pengislahan dalaman parti ke arah yang lebih inklusif bukan sahaja hanya kepada ahli parti namun kepada rakyat secara keseluruhannya. Pertambahan pengundi muda pada hari ini juga turut menjadikan cabaran politik yang harus diharungi UMNO lebih getir dan mencabar namun UMNO perlu terus berjuang ke arah suasana politik yang lebih progresif dan dinamik dalam memenangi hati generasi belia pada hari ini.

Kesimpulannya, soalan kajian yang telah ditetapkan oleh penulis adalah persoalan yang mampu memberikan jawapan atau maklum balas yang bertepatan dengan kajian penulis serta diyakini mampu untuk menjawab segala persoalan yang timbul serta memberikan informasi

yang jelas dan sahih dalam konteks penaungan politik UMNO dalam kalangan belia pada hari ini khasnya dalam kelompok generasi belia yang bersama UMNO pada hari ini.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini akan dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif bagi mengumpul maklumat dan perkongsian melalui pendekatan temu bual bersama informan terpilih. Seramai 5 orang informan telah dipilih mewakili tiga buah platform perkaderan politik UMNO yang ada pada hari ini iaitu Skuad Sabil, Kelab UMNO Siswa dan juga sayap Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.

Dalam sesi temu bual ini, pengkaji telah memilih seorang Pegawai Skuad Sabil, dua orang Presiden Kelab UMNO Siswa daripada dua buah universiti awam dan juga seorang dua orang aktivis pemuda UMNO yang mula bergiat aktif sejak seawal memasuki alam kampus. Temu bual ini dijalankan dengan menggunakan platform *Google Meet* dan diadakan secara berasingan bagi setiap informan. Sesi temu bual yang diadakan selama hampir sejam bagi kesemua informan telah berjaya memenuhi kesemua persoalan yang diajukan.

Jadual 1.0: Senarai Informan Bagi Kajian Penaungan Politik UMNO Dalam Kalangan Belia

Bil.	No. Informan	Jantina	Usia	Pekerjaan	Platform
1.	IR1	Lelaki	26	Usahawan	Pemuda UMNO
2.	IR2	Lelaki	25	Pekerja Swasta	Pemuda UMNO
3.	IR3	Lelaki	35	Doktor	Skuad Sabil Malaysia
4.	IR4	Lelaki	24	Mahasiswa	Siswa UMNO UniSZA
5.	IR5	Perempuan	25	Mahasiswa	Siswa UMNO UTHM

Selain mendapatkan sudut pandang dan respon daripada kesemua informan, penulis sempat berbual secara santai bersama dengan para informan bagi mendapatkan gambaran senario politik dalaman UMNO pada hari ini dalam meneliti arus politik semasa menjelang PRU-15 tidak lama lagi. Para informan memberikan jawapan yang sangat membantu penulis dalam menghasilkan sebuah penulisan yang jelas dan bermatlamat berkenaan dengan penaungan politik UMNO dalam kalangan belia di Malaysia melalui pelbagai platform.

Hasil yang diperolehi daripada informan telah dimasukkan ke dalam perisian Nvivo 12 Plus bagi memudahkan penulis untuk membuat analisa ke atas persamaan dan perbezaan pandangan daripada informan. Selain dapat memastikan bahawa data yang telah dikutip mencapai status keabsahan yang tinggi dalam menghasilkan mutu penulisan dan dapatan yang menyeluruh. Penulis juga telah membuat rumusan ke atas hasil dapatan yang diperolehi daripada informan dalam sebuah penulisan artikel yang disediakan.

4. Hasil Kajian

Menurut IR1, UMNO dilihat mula mengorak langkah perkaderan ke atas belia selepas mengalami fasa kekalahan dalam PRU14 yang lalu. Kekalahan yang menimpa UMNO telah membuat parti itu sedar bahawa perjuangan mereka telah ditolak oleh generasi belia pada PRU-14 yang lalu. Mengambil kira pelbagai faktor yang berpunca daripada kekalahan tersebut, UMNO telah mengambil untuk memastikan libat urus generasi belia khasnya mahasiswa ke dalam pimpinan mereka. Sebuah keputusan yang diputuskan oleh Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia telah dilaksanakan dengan menempatkan seorang mahasiswa sebagai Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagia di seluruh negara. Setakat hari ini, lebih daripada 100 bahagian

UMNO telah mempunyai lantikan tersebut daripada keseluruhan 191 bahagian di seluruh negara.

IR1 juga memaklumkan bahawa UMNO kini sudah mula bersedia dengan menggerakkan usaha kesedaran demokrasi dalam kalangan anak muda seawal usia 18 tahun bagi berhadapan dengan pelaksanaan Undi18 yang akan dikuatkuasakan tidak lama lagi. Pemuda UMNO dengan inisiatifnya telah menubuhkan sebuah gerakan yang dipanggil sebagai Sekretariat Undi 18 dalam menyampaikan modul-modul berkaitan demokrasi kepada generasi muda sejak di alam persekolahan. Perkara ini juga turut disokong oleh IR4 yang juga merupakan presiden Kelab UMNO Siswa UniSZA yang mencadangkan bahawa penerapan pendidikan pendemokrasian ini untuk disubur sejak seawal usia remaja pada hari ini. Hal ini adalah untuk mendapatkan sebuah hasil pengundian yang benar-benar berkualiti daripada generasi muda.

Sementara itu, IR2 pula berpandangan jika usaha pendidikan demokrasi ini tidak diberikan ianya hanya akan menatijahkan sebuah keputusan pengundian yang dibuat dalam keadaan 'buta' terhadap politik. Maka, kemungkinan untuk memberikan kekuasaan kepada parti yang gagal mentadbir amat tinggi kerana pengundian yang dibuat tidak menggunakan nilai pemikiran yang matang selari dengan falsafah politik yang matang. Johanna (2013), juga turut menyatakan bahawa falsafah politik dalam konteks demokrasi harus dipimpin oleh acuan pendidikan yang tepat dan bersesuaian dengan peredaran masa. IR5 juga berpandangan bahawa pengundian yang dibuat dalam sesebuah pilihan raya adalah untuk memastikan demokrasi itu dihidupkan dengan baik tanpa sebarang prejudis. Namun begitu, IR2 menyatakan bahawa adakalanya kecaknaan politik belia yang culas ini adalah disebabkan oleh rasa kurang gemar mereka terhadap isu dan sikap segelintir besar pemimpin politik pada hari ini yang tidak menunjukkan nilai integriti dalam berpolitik. Hal ini dapat dilihat menerusi budaya lompat parti dalam kalangan ahli politik pada hari ini.

Dalam membincangkan isu integriti dalam berpolitik dan lompat parti dalam kalangan ahli politik pada hari ini, IR3 berharap agar Akta Anti Lompat Parti (*Anti Hopping Law*) dapat digubal secepatnya di Dewan Rakyat agar budaya yang boleh mencemarkan institusi demokrasi ini dapat dihentikan dengan segera. Secara tidak langsung, dengan penguatkuasaan undang-undang sebegini dapat mengembalikan semula keyakinan generasi muda khasnya pengundi kali pertama (*first-time-voter*) pada PRU15 yang akan datang untuk mengundi dengan penuh yakin dalam menunaikan tanggungjawab sebagai rakyat yang mendukung aspirasi negara berdemokrasi. Malahan, IR3 berpandangan bahawa UMNO sebagai sebuah parti yang sedang merangka pelan peremajaan (*rejuvenation plan*) parti itu harus mempergiat promosi berkaitan Undi18 yang akan dilaksanakan. Dengan pendekatan sebegini dapat memastikan bahawa UMNO akan terus mendapat tempat di hati anak muda sekali gus menyemai doktrin UMNO dalam kalangan mereka yang akan mengundi buat kali pertama pada PRU15 kelak.

Platform perkaderan politik yang dibangunkan oleh UMNO pada hari ini seperti Kelab UMNO Siswa dan Skuad Sabil merupakan 'kilang' yang akan melahirkan bakal pemimpin dan calon pada PRU akan datang. Menurut IR1, hal ini dapat dilihat melalui kenyataan Pengarah Pilihan Raya Barisan Nasional merangkap Timbalan Presiden UMNO dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka baru-baru ini yang menyatakan bahawa calon muda yang akan diturunkan pada pilihan raya akan datang adalah sebanyak 30% yang hampir menyamai 66 buah kerusi parlimen daripada jumlah keseluruhan sebanyak 222 kerusi yang dipertandingkan di seluruh negara. IR1 berharap agar calon yang akan diturunkan pada PRU15 akan datang adalah muka baharu yang semestinya bebas daripada sebarang masalah moral dan jenayah. IR2 juga turut bersependapat dengan IR1 di mana antara usaha yang boleh menyelamatkan UMNO pada PRU15 akan datang

adalah dengan menurunkan muka-muka baharu di kawasan parlimen yang telah dikenal pasti jumlah pengundi majoritinya yang merupakan pengundi belia di bawah usia 40 tahun. Selain itu, IR3 juga turut menyatakan bahawa UMNO perlu mengenal pasti terlebih dahulu faktor lokaliti yang ingin ditandingi oleh calon muda sebelum menurunkan calon tersebut dan yang jauh lebih penting adalah sifat dan nilai kewibawaan dan intelektual calon itu sendiri dan bukan usia yang menjadi taruhan semata-mata. Nilai intelektual ini juga aspek yang penting untuk diangkat kerana ianya merupakan asas kepada seorang pemimpin yang berwibawa. Menurut Al-Atas (2016), nilai intelektual mampu membangun masyarakat serta menamatkan kewujudan pemimpin yang jahil.

Kesemua informan juga bersependapat meramalkan kemenangan memihak kepada BN yang ditunjangi UMNO dalam PRU15 akan datang sekiranya usaha penaungan dan perkaderan ke atas belia pada hari ini diterjemahkan dalam pilihan raya akan datang. Hal ini adalah kerana, perkara asas yang dapat mempengaruhi sokongan belia pada sesebuah parti adalah kerana strategi dan taktikal sesebuah parti yang dapat memanifestasikan golongan tersebut. Situasi ini dapat dilihat dalam PRN Melaka pada 20 November lalu yang menyaksikan bahawa kesemua empat orang calon muda BN daripada UMNO berjaya memenangi kerusi yang ditandingi. Perkara ini telah menjadi antara penanda aras yang membuktikan bahawa faktor lokaliti serta demografi setempat adalah penting dalam menentukan calon yang akan dipertandingkan dalam sesebuah pilihan raya. Namun begitu, IR1, IR4 dan IR5 mempunyai hasrat yang sama agar calon daripada platform perkaderan politik UMNO seperti Kelab UMNO Siswa ini dapat diturunkan sekiranya memenuhi kriteria yang diinginkan oleh parti dan juga bersesuaian dengan faktor setempat (lokaliti).

Tidak dinafikan juga, kesemua informan mempunyai persefahaman yang teguh berkenaan penyertaan dan kesetiaan mereka bersama dengan UMNO sehingga ke hari ini. Perkara ini juga dapat dikategorikan sebagai faktor penarik (*pull factors*) buat kesemua informan. Kesemua informan menyatakan bahawa mereka kekal bersama dengan UMNO adalah kerana mereka tidak melihat suatu parti pun yang dapat menggantikan UMNO dalam konteks perjuangan. Kelima-lima informan mengatakan bahawa UMNO merupakan sebuah parti yang diasaskan kerana berbekalkan hasrat membela agama, bangsa dan negara serta tidak ditunjangi oleh apa jua kecenderungan peribadi (*self interest*) seperti beberapa parti lain yang hanya memperjuangkan cita-cita dan hasrat individu bagi mencapai kekuasaan semata-mata. Perkara ini juga selari dengan pandangan Firdaus (2021), yang mengatakan bahawa UMNO merupakan sebuah parti terawal yang mampu menyatukan semangat nasionalisme orang-orang Melayu untuk bangkit menentang belenggu penjajahan. Namun begitu, IR 4 juga turut mengkritik beberapa kelemahan UMNO dalam soal ini khasnya dalam konteks promosi dan doktrinasi UMNO itu sendiri. IR4 menyatakan bahawa dirinya amat berhasrat yang UMNO akan lebih lantang dalam menjelaskan kepada rakyat khasnya generasi belia pada hari ini akan tunjang utama perjuangan parti keramat Melayu ini adalah berasaskan semangat ABATA (Agama, Bangsa dan Tanah Air). Kegagalan dalam menyebar luas perkara ini UMNO juga antara sebab mengapa UMNO ditolak dalam PRU yang lalu. Menyentuh berkenaan perkara ini.

Berbicara soal faktor penolak (*push factors*) dalam kalangan belia di luar sana, IR3 dan IR5 berpandangan bahawa serangan persepsi dan stigma ke atas UMNO sebelum PRU14 yang lalu adalah punca utama kekalahan parti tersebut di samping kelemahan serta kegagalan UMNO untuk mempertahankan parti tersebut melalui promosi berkaitan sumbangan dan jasanya yang terlalu besar dan banyak dalam membangunkan negara ini sejak berdekad lamanya (Jamaie, 2016). Malahan, menurut IR1 permasalahan dalaman UMNO seperti isu birokrasi berkenaan pendaftaran keahlian yang terlalu rumit juga menjadikan belia muak dengan birokrasi dalaman

UMNO. Menyentuh perkara ini IR2 pula merasakan dengan birokrasi yang terlalu leceh ini membuatkan UMNO kelihatan eksklusif pula di mata rakyat teramai sehinggakan bermula daripada perkara kecil berkaitan pendaftaran keahlian sebegitu pun masih sukar untuk diaplikasikan. Seterusnya, antara faktor penolak lain juga yang dilihat oleh informan adalah seperti yang dikatakan oleh IR3 yang merasakan bahawa segelintir bekas pemimpin UMNO yang keluar parti lalu membawa sebahagian besar pengaruhnya juga turut memainkan peranan dalam mencemarkan imej UMNO sebagai sebuah parti yang penuh dengan budaya kleptokrasi dan pecah amanah.

Kesemua informan juga bersetuju bahawa UMNO mengalami kekalahan juga adalah disebabkan kerana parti tersebut gagal untuk menangkis segala persepsi yang dilemparkan dengan ekstrim melalui media massa dan juga media sosial yang aktif digerakkan oleh pihak pembangkang pada ketika itu. Maka, kini penaungan politik UMNO mula digerakkan serta dibangunkan dengan pelbagai usaha perkaderan politik yang luar biasa tanpa mengira apa jua yang dikatakan oleh pihak lawan. Usaha UMNO dalam memastikan seluruh penyokong dan jenteranya berada dalam keadaan bersiap siaga bagi menempuh PRU15 kini kelihatan lebih agresif dan proaktif seiring kecanggihan teknologi dan peredaran zaman.

5. Perbincangan

Melalui kesemua kutipan data yang telah dibuat melalui sesi temu bual bersama 5 orang informan yang telah disenaraikan di atas, penulis merasakan bahawa hampir kesemua informan telah menyentuh berkaitan isu had usia calon yang akan dipertandingkan dalam PRU15 akan datang. Perkara ini sejajar dengan pindaan Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan 1957 yang menyatakan tentang had usia mengundi yang telah diturunkan daripada 21 tahun kepada 18 tahun. Seiring dengan penurunan had usia mengundi ini, rata-rata informan mengharapkan bahawa usia calon yang akan dipertandingkan kelak adalah majoritinya daripada kalangan anak muda berusia kurang daripada 40 tahun. Menurut Haris (2020), dengan kaedah sebegini, maka kita akan dapat merencanakan semula kesedaran politik (*political literacy*) dan penglibatan politik (*political participation*) dalam kalangan belia tidak kira calon bertanding mahupun pengundi. Secara tidak langsung, situasi sebegini akan mewujudkan kesalinghubungan antara pengundi dan calon yang bertanding di mana pengundi dan calon dapat memikirkan sesuatu perancangan hala tuju dengan menggunakan pendekatan bersama yang lebih serasi.

Seterusnya, penulis ingin membincangkan berkenaan kenyataan yang dibuat oleh Timbalan Presiden UMNO pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka baru-baru ini untuk menurunkan calon muda sebanyak 30% atau bersamaan 66 kerusi parlimen pada PRU akan datang. Berita ini amat menggembirakan kesemua informan dan tidak sesekali membuatkan mereka meragui bakat kepimpinan generasi muda. Perkara ini juga turut disokong oleh beberapa informan antaranya IR3, IR4 dan IR5 di mana informan ini menyatakan dengan cukup jelas bahawa perkaderan serta penaungan politik UMNO dalam kalangan belia telah melahirkan generasi pelapis yang sangat berwibawa buat UMNO. Sebagai contoh, antara produk UMNO yang disifatkan sebagai berwibawa antaranya adalah saudara Madyasir Ahmad Basir yang merupakan Ahli Majlis termuda dalam Majlis Bandaraya Pasir Gudang dan dalam pada masa yang sama merupakan seorang Ahli Lembaga Pengarah (LPU) termuda di Universiti Malaysia Pahang (UMP). Manakala dalam UMNO pula, saudara Madyasir merupakan Ketua Penerangan Pemuda UMNO Bahagian Pasir Gudang. Kemampuan beliau dalam bertutur menggunakan bahasa Mandarin juga telah membuatkan kempen BN berjaya mendekati pengundi Cina dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Tanjung Piai (P.165) pada 2019 lalu di mana saluran pengundian di kawasan populasi Cina menunjukkan trend kenaikan undian

buat BN sehingga berjaya memenangi kerusi tersebut dengan majoriti luar jangka sebanyak 15,086 undi.

Banyak lagi contoh yang dapat dikaitkan berkenaan senario ini. Secara jelas inisiatif yang digerakkan oleh UMNO pada hari ini mula menunjukkan bahawa mereka sudah tidak lagi dihantui oleh bayangan generasi muda berkepemimpinan tinggi. IR3 juga turut menyatakan pandangan beliau ketika menjadi ahli UMNO pada usia 18 tahun kira-kira 17 tahun yang lalu. R3 mengatakan bahawa ketika beliau masih di era permulaan beliau menyaksikan bahawa golongan muda terpelajar amat digeruni oleh generasi tua atau lama dalam UMNO. Bahkan, golongan muda khususnya mahasiswa pernah dianggap sebagai ‘pengacau’ dalam politik sesebuah bahagian dan kawasan. Menurut IR3, perkara ini semua berlaku adalah kerana sikap generasi lama yang sudah berasa selesa dengan kepimpinan lama dan tidak mahu membuka ruang kepada generas muda untuk membawa perubahan seiring zaman. Apabila perkara ini diteruskan hingga ke hari ini, maka IR3 menyatakan kejatuhan UMNO dalam PRU14 adalah kerana trend penurunan sokongan khususnya daripada generasi muda sudah pun bermula sejak PRU12 pada tahun 2008 lagi. Terdapat pelbagai faktor yang dapat dikaitkan sebagai faktor penyumbang kekalahan dan kejatuhan rejim pemerintahan tertua di negara ini.

Tambahan pula, langkah bagi memperkasa semula kedudukan UMNO sebagai sebuah parti dominan Melayu tertua di negara ini, UMNO bukan sahaja perlu mengutamakan generasi muda bahkan perlu membersihkan nama parti tersebut dengan segala tuduhan yang terpalit. IR4 juga turut menyentuh berkenaan dengan budaya mengekalkan calon yang mempunyai kes yang sedang dibicarakan di mahkamah. Isu ini merupakan isu yang akan mengakibatkan krisis kepimpinan dalaman buat UMNO apabila bukan sahaja rakyat bahkan ahli akar umbi sendiri merasakan bahawa nilai sebuah integriti tidak lagi penting dalam UMNO. Keadaan ini akan berlaku berikutan pucuk pimpinan tertinggi yang masih mengekalkan individu yang terpalit dengan pelbagai skandal ini di dalam jentera pentadbiran dan kepimpinan parti. IR4 juga tidak menafikan prinsip keadilan bahawasanya seseorang tidak bersalah selagi tidak dibuktikan bersalah. Namun, sebagai langkah profesional UMNO juga perlu menghormati suara rakyat dengan menggantung sementara tugas serta kapasiti individu yang masih dalam prosiding mahkamah ini sehingga mereka dibuktikan bersalah mahupun sebaliknya bagi menjamin kelangsungan parti di bawah pentadbiran individu yang bebas daripada kes mahkamah.

Penulis dapat membuat suatu gambaran selepas menemu bual kesemua informan. Gambaran yang dimaksudkan penulis adalah sokongan yang diberikan oleh generasi muda kepada UMNO adalah masih kuat. Namun disebalik sokongan yang diberikan proses penilaian mutu kepimpinan UMNO itu sendiri juga turut dinilai sedalamnya oleh generasi muda pada hari ini. Antara faktor yang menjadikan anak muda bersama UMNO ini semakin kritis dan kritikal adalah kerana tahap pendidikan mereka yang semakin ke hadapan serta akses dan capaian kepada dunia serba canggih pada hari ini terlalu meluas sehinggakan sekecil-kecil isu kepimpinan juga turut di bahaskan secara terbuka di alam maya. Walau bagaimanapun, kesemua informan yang ditemu bual menyatakan bahawa mereka memilih untuk kekal setia bersama UMNO adalah kerana asas dan tunjang perjuangannya dan tidak sesekali memihak kepada mana-mana individu melebihi kepentingan parti dan negara tercinta.

6. Kesimpulan

Setelah penulis menemu bual kesemua informan yang terdiri daripada pelbagai latar belakang, usia dan platform perkaderan politik yang berbeza seperti yang dinyatakan dalam jadual 1.0, maka penulis akan membuat kesimpulan dalam beberapa perkara dan aspek utama yang

diperlukan bagi memenuhi kajian ini. Antara perkara utama yang dapat disimpulkan di sini ialah kepentingan UMNO untuk mengutamakan anak muda dalam apa jua aspek khususnya dalam soal percaturan politik pada pilihan raya akan datang. Malaysia pada hari ini telah berhadapan dengan suatu zaman di mana generasi belia mula menjadi populasi teramai dalam negara ini. Fasa peralihan dan pertambahan ke atas populasi ini jelas sekali tidak boleh dipandang remeh. Generasi ini harus diraikan dengan progresif dan rasional kini dan akan datang.

Selain itu, keutamaan UMNO juga untuk membersihkan nama parti melalui kaedah pemutihan dalaman harus dibuat dengan agresif. Perkara ini tidak boleh dilengahkan kerana menurut hampir kesemua informan yang ditemu bual, mereka merasakan bahawa generasi muda di luar sana telah menjauhkan diri dengan UMNO adalah kerana stigma dan persepsi buruk yang pernah terpalit terhadap parti itu. Persoalan sejauh mana tuduhan yang dilemparkan oleh blok rival politik UMNO itu benar atau tidak bukanlah sesuatu yang menjadi keutamaan buat belia hari ini namun mereka lebih mudah tertarik dan percaya dengan retorik politik yang kelihatan menarik. Tidak hanya tertumpu kepada UMNO sahaja namun apa jua pendekatan dakwah politik yang diguna pakai oleh mana-mana parti yang kelihatan menarik akan mampu menjadi faktor pendorong (*trigger factor*) kepada generasi belia hari ini.

Penulis juga ingin menyentuh berkenaan dengan pendidikan demokrasi yang dinyatakan oleh beberapa orang informan. Menurut Abdullah (2021), pendidikan demokrasi ini merupakan sesuatu yang besar dan amat penting dalam menyampaikan kefahaman berkaitan politik dan kesuburan demokrasi. Pendidikan demokrasi ini juga bukan hanya perlu disebarkan secara teorinya sahaja semata-mata namun wajar diikuti dengan pengaplikasian pembelajaran subjek-subjek utama yang berteraskan kepada pembinaan sebuah negara bangsa yang utuh. Antara subjek yang wajar dikekalkan dan ditambah baik sukatan atau silibus pembelajarannya adalah Pendidikan Sivik & Kewarganegaraan di peringkat rendah mahupun menengah. Manakala di peringkat pendidikan tinggi pula subjek Tamadun Islam & Tamadun Asia (TITAS), Pengajian Malaysia dan juga Hubungan Etnik wajar diwajibkan kepada semua tanpa mengira latar belakang agama, bangsa mahupun keturunan. Melalui pendidikan yang holistik sebegini kita akan dapat memberikan tahap kefahaman yang baik kepada generasi belia khususnya generasi belia terpelajar hari ini berkenaan segenap aspek kehidupan berdemokrasi yang bukan hanya memfokuskan kepada pilihan raya sahaja bahkan lebih daripada itu seperti permuafakatan kaum, toleransi sesama masyarakat majmuk yang menjadi tunjang utama pembentukan bangsa Malaysia yang bersatu padu.

Kesimpulannya, UMNO telah memainkan peranannya dalam penaungan dan perkaderan politik dalam kalangan belia di Malaysia pada pasca kejatuhannya. Kejayaan demi kejayaan dalam memanifestasikan belia mula ditunjukkan dan dicapai dengan baik selepas UMNO dan BN secara amnya berhadapan dengan kekalahan dalam PRU14 lalu. Kejatuhan rejim pemerintahan tertua di negara ini yang ditolak oleh generasi belia telah memberikan pukulan hebat buat UMNO untuk bangkit kembali mengangkat imej parti tersebut menjelang PRU15 tidak lama lagi. Namun harus diingat bahawa usaha penambahbaikan dan pengislahan dalaman dan luaran UMNO perlu diperluas bagi memperkasa semula wadah perjuangan orang-orang Melayu sejak berdekad lamanya. UMNO juga perlu berbalik kepada asas Fasal 3, Perlembagaan UMNO itu sendiri yang digubal selaras dengan Perlembagaan Persekutuan 1957 yang secara terperinci menyebutkan bahawa UMNO akan menjadi sebuah parti yang komited dalam membela bangsa Melayu, agama Islam dan raja-raja Melayu serta mengangkat martabat bangsa lain dalam permuafakatan Barisan Nasional yang kini dianggotai oleh parti

Malaysian Indian Congress (MIC) dan juga Malaysian Chinese Association (MCA) sejak seawal penubuhan parti Perikatan suatu ketika dahulu.

Rujukan

- Ali, H. (2017). Sejarah Rakyat Malaysia: Khususnya Perkembangan Nasionalisme. Strategic Information and Research Development (SRID) Centre.
- Atil, Ahmad bin. *Polisi British, Survival Melayu & Parti Komunis Malaya Di Tanah Melayu Pada Pertengahan Abad 20*. Khutubkata Resources, 2018.
- Hamil, Jamaie. *UMNO Dalam Politik Dan Perniagaan Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2016.
- Hussein Alatas, Syed, Farid Alatas, Syed, Bambang Supriady, & Jaafar Abdul Rahim. (2016). *Intelektual Masyarakat Membangun*. Dewan Bahasa & Pustaka (DBP).
- Ibrahim, Abdullah. *Kepimpinan Mahasiswa Dan Pendidikan Pendemokrasian Di Malaysia*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2021.
- Oksala, J. (2013). *Political philosophy*. London: Hodder & Stoughton.
- Zainal, Firdaus. *Hegemoni UMNO: Pembangunan Dan Keruntuhannya Menurut Teori Kitaran Ibnu Khaldun*. Strategic Information and Research Development Centre, 2021.
- Zin Mahmud., 2008. *Kepimpinan & perjuangan Pemuda UMNO*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Zuan, Haris. *Transformasi Sosial Dan Politik Belia: Menelusuri Perubahan Budaya Politik Belia di Malaysia*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2020.